



KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
REGISTRAR GENERAL
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI

Tel: 603-88706439
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Rujukan Kami : JPT/GS 1000/630 Jld. 2 (17)
Tarikh : 21 Julai 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

SYARAT KOMPETENSI BAHASA INGGERIS KEPADA PELAJAR ANTARABANGSA DI IPTS

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Bagi Membincangkan Tindakan Susulan Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) Penambahbaikan Dasar Pengurusan Pelajar Antarabangsa Ke Institusi Pendidikan Tinggi Di Malaysia pada 18 November 2019 telah bersetuju bahawa pelajar antarabangsa yang ingin mengikuti kursus pengajian utama iaitu diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan kedoktoran di Malaysia perlu memenuhi syarat kemasukan kursus pengajian utama dan syarat kompetensi Bahasa Inggeris terlebih dahulu seperti yang ditetapkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) atau dalam standard program daripada MQA **kecuali**:

- i. pelajar antarabangsa yang berasal daripada negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi; **ATAU**
- ii. pelajar antarabangsa yang menggunakan kelayakan akademik dari institusi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya dan bercadang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di Malaysia.

3. Bagi pelajar antarabangsa yang tidak memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris, IPT boleh mempertimbangkan Tawaran Bersyarat (*Conditional Offer*) seperti berikut:

- i. pelajar antarabangsa dibenarkan mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalaman IPT berkenaan dengan had tempoh masa selama dua (2) tahun maksimum; **DAN**



- ii. pelajar antarabangsa yang mengikuti Kursus Persediaan Bahasa Inggeris dalam perlu menduduki peperiksaan MUET atau mana-mana peperiksaan yang telah diwajibkan kepada *The Common European Framework of Reference (CEFR)* bagi memenuhi syarat kompetensi Bahasa Inggeris. Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti (MKSDJK) KPT-MQA Bil. 1/2022 pada 27 April 2022 telah bersetuju dengan penambahbaikan skor baharu kompetensi Bahasa Inggeris sepertimana dalam **Jadual skor baharu kesetaraan kompetensi Bahasa Inggeris** di **Lampiran 1**.

4. Pemakaian surat makluman ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan dan sebarang pertambahan peperiksaan baharu adalah tidak dibenarkan. Penguatkuasaan surat makluman ini akan **membatalkan** surat-surat berikut:

- i. JPT/GS 1000-630 (9) bertarikh 31 Julai 2019; dan
- ii. JPT/GS 1000-630 (41) bertarikh 9 Disember 2019

5. Sehubungan itu, YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah dimohon untuk mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' PROF. DR. HUSAINI B. OMAR)

s.k.:

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan)
Kementerian Pengajian Tinggi

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Pembangunan)
Kementerian Pengajian Tinggi

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)
Education Malaysia Global Services (EMGS)

SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi

SUSK YB Timbalan Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi

Setiausaha Bahagian
Bahagian Hal Ehwal Imigresen
Kementerian Dalam Negeri

Ketua Pengarah Imigresen
Bahagian Hal Ehwal Imigresen
Jabatan Imigresen Malaysia

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

LAMPIRAN 1

English Competency	Types of Examination	CEFR Low B1	CEFR Mid B1	CEFR High B1	CEFR Low B2	CEFR Mid B2	CEFR High B2
MUET	MUET	B3.0	B3.0	B3.5	B4.0	B4.0	B4.5
IELTS	IELTS	4.0	4.5	5.0	5.5	6.0	6.5
TOEFL	TOEFL iBT	30 – 31	33	40	46	60	79
	TOEFL Essentials (Online)	5	6.5	7.5	8	8.5	9.5
PEARSON TEST OF ENGLISH	PTE Academic/ PTE Academic (Online)	36	43	47	51	59	63
CAMBRIDGE ENGLISH QUALIFICATIONS AND TESTS	(i) B1 Preliminary, B2 First, C1 Advanced, C2 Proficiency	140	147	154	160	169	176
	(ii) Linguaskill Online						
	(iii) Occupational English Test (OET) (Conventional/Online)	-	-	-	200	250	300